

IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 KE ATAS PENIAGA KECIL B40 DI SEKTOR INFORMAL

THE IMPACT OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) COVID-19 ON SMALL TRADERS B40 IN THE INFORMAL SECTOR

Siti Mariam Gulam¹ & Dzurizah Ibrahim²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah,
sitimariamgulam96@gmail.com

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah
idzuri@ums.edu.my

Corresponding Author: Dzurizah Ibrahim (Email: idzuri@ums.edu.my)

Tarikh Diserah: 20 September 2023
Tarikh Diterima: 30 Oktober 2023

ABSTRACT

An informal sector is a group of producers or small traders or hawkers who are not registered with the Companies Commission of Malaysia (SSM) and Local Authorities (PBT) where they produce at least one good or service for sale or barter transactions and the size of the workforce is less than 10 people. Informal sector traders are usually not registered under established laws. Therefore, this study was conducted to identify the effects of the COVID-19 MCO on the B40 group in the informal sector based on secondary data from literature highlights. In Malaysia, the informal sector has been one of the most affected small business sectors throughout the MCO of COVID-19 implemented since March 2020. As a result of the COVID-19 outbreak that occurred throughout the country, especially in Malaysia, the government has imposed travel restrictions and the Movement Control Order (MCO) as a measure to prevent the chain of transmission of the COVID-19 epidemic from continuing to spread among the community, including the B40 group who work in the informal sector. Thus, this article is based on secondary data such as data and information from journal articles, online newspaper news reports, and official government reports. The main purpose of this literature review is to review and analyze past studies regarding the impact of the MCO of COVID-19 on small traders B40 in the informal sector. The results of the literature review found that the movement control order (MCO) of COVID-19 has harmed small traders in the informal sector in Malaysia and other places globally.

Keywords: *Informal Sector, Small Traders B40, Movement Control Order (MCO), COVID-19*

ABSTRAK

Sektor informal merupakan satu kumpulan pengeluar atau peniaga kecil atau penjaja yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di mana mereka mengeluarkan sekurang-kurangnya satu barangan atau perkhidmatan untuk jualan atau transaksi barter dan saiz pekerja kurang daripada 10 orang. Peniaga sektor informal biasanya tidak berdaftar di bawah perundangan yang ditetapkan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti impak PKP COVID-19 ke atas golongan B40 di sektor informal berasaskan data sekunder daripada sumber sorotan literatur. Di Malaysia, sektor informal adalah salah satu sektor perniagaan kecil yang paling terkesan sepanjang tempoh PKP COVID-19 dilaksanakan sejak bulan Mac 2020 lagi. Ekoran daripada wabak COVID-19 yang berlaku di seluruh negara, terutama di Malaysia pihak kerajaan telah mengenakan sekatan perjalanan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam kalangan masyarakat termasuk golongan B40 yang bekerja di sektor informal. Justeru, artikel ini adalah berasaskan data sekunder seperti data dan maklumat daripada artikel jurnal, laporan berita akhbar online dan laporan rasmi kerajaan. Tujuan utama kajian literatur ini adalah untuk meninjau dan menganalisis kajian-kajian lepas berkenaan dengan impak PKP COVID-19 ke atas peniaga kecil B40 di sektor informal. Hasil tinjauan literatur ini mendapati bahawa perintah kawalan pergerakan (PKP) COVID-19 telah memberi impak negatif ke atas peniaga kecil di sektor informal di Malaysia dan di negara lain di peringkat global.

Kata Kunci : Sektor Informal, Golongan Peniaga B40, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Covid 19,

Pengenalan

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji impak perintah kawalan pergerakan PKP COVID-19 ke atas peniaga kecil golongan B40 di sektor informal. Sektor informal adalah dilihat sebagai sektor ekonomi yang tidak teratur dan ekonomi yang diragui sejak pekerja mempunyai pendapatan yang rendah dan tidak menentu (Pitoyo, 2007; Suharto, 2009). Manakala, Williams dan Martinez (2014), mentakrifkan sektor informal adalah sebagai pekerjaan yang tidak berdaftar dan tidak dikenakan cukai atau faedah. Hal ini kerana, sektor informal adalah suatu pekerjaan yang berada dalam skala yang kecil dan mempunyai modal yang rendah dalam faktor pengeluaran.

Oleh itu, berikutan daripada pelaksanaan perintah kawalan pergerakan telah memberi implikasi yang mendalam terutamanya kepada rakyat khususnya mereka yang tergolong dalam kumpulan B40 dan terlibat dalam sektor informal. Hal ini demikian, ia menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan operasi perniagaan dan pekerjaan disebabkan kepada pematuhan *Standard Operation Procedure* (SOP). Tambahan pula, sekatan dan penutupan, penjarakkan sosial dan perintah kawalan pergerakan juga menyebabkan mereka sukar untuk keluar bekerja bagi menampung kehidupan dan pendapatan harian. Namun demikian, kebanyakan premis awam dan swasta juga dilarang daripada beroperasi, kecuali untuk perkhidmatan penting seperti kesihatan dan keselamatan, telekomunikasi, runcit, kewangan dan pengangkutan (Majlis Keselamatan

Negara, 2020). Kemudian, waktu operasi perniagaan juga adalah dihadkan dari jam 8 pagi hingga jam 6 petang (Noor Fazlina Fabeil et al., 2020). Dengan itu, keadaan seperti ini akan mempengaruhi golongan berpendapatan rendah khususnya mereka yang bergantung hidup dengan pekerjaan di sektor informal akan merasa kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan dan perniagaan juga akan merosot disebabkan tempoh PKP yang lama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Seterusnya di Malaysia, sektor perniagaan kecil adalah salah satu sektor yang paling terkesan secara langsung disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan (Azman, 2020). Hal ini merencatkan pendapatan yang diperolehi oleh peniaga kecil khasnya di kawasan luar bandar. Selain itu, pelaksanaan PKP juga telah memberi impak yang besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan negara. Oleh itu, berikutan daripada pelaksanaan PKP telah menyebabkan ramai rakyat terjejas pendapatan dan pekerjaan khususnya mereka yang berada dalam kumpulan B40 dan terlibat di sektor informal. Hal ini demikian, menyebabkan kebanyakan rakyat terutama mereka yang terlibat dalam perniagaan kecil dan sederhana akan mengalami kemurungan dengan situasi pandemik yang melanda dunia pada masa kini.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif kajian dengan lebih sistematik (Newman, 2007). Metodologi utama penulisan kajian ini adalah menggunakan kaedah pendekatan kualitatif iaitu mengaplikasi kaedah kajian perpustakaan untuk mencari maklumat sekunder yang berkaitan dengan wabak COVID-19, sektor informal dan golongan B40. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah daripada pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal berindeks atau tidak berindeks, artikel akhbar dan majalah. Maklumat ini dikumpul dan di saring serta dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Penulisan analisis kandungan berdasarkan sumber sorotan literatur boleh kita nama juga sebagai kajian sekunder. Seterusnya, pengkaji akan membaca dan memahami bahan literatur yang diperolehi serta mengenalpasti jurang kajian secara perbandingan sewajarnya.

Definisi Konsep Dan Ulasan Kajian Lepas

Konsep Sektor Informal

Dalam kajian ini, Sektor informal dianggap sebagai satu kumpulan unit pengeluaran yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), semua atau sekurang-kurangnya satu barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan adalah untuk jualan atau transaksi barter, dan saiz pekerja kurang daripada 10 orang serta tidak berdaftar di bawah perundangan yang ditetapkan (Laporan Penyiasatan Guna Tenaga Sektor Informal, 2013).

Selain itu, ILO juga menjelaskan bahawa sektor informal termasuk dalam kriteria yang tidak dilindungi dan pekerjaan kasual seperti pekerja yang tidak terlibat dalam sistem keselamatan

sosial atau yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Oleh itu, ketiadaan keselamatan dan perlindungan sosial merupakan salah satu indikator penting yang perlu dilihat di sektor informal kerana golongan peniaga yang bekerja di dalam sektor industri kecil dan sederhana memerlukan keselamatan yang baik untuk menjamin masa depan mereka. ILO (2004), turut menyatakan bahawa sejak berlakunya krisis ekonomi yang bermula pada awal tahun 1990-an, ratusan perusahaan telah menutup atau mengurangkan jumlah pengeluaran mereka sehingga menyebabkan ribuan pekerja diberhentikan. Hal ini kerana, pekerja di sektor informal sering kekurangan sumber dan perlindungan sosial yang membolehkan mereka tidak dapat menjalankan aktiviti ekonomi terutama dalam tempoh PKP. Namun demikian, permintaan untuk tenaga kerja jauh lebih rendah daripada bekalan buruh. Justeru, adalah sesuatu yang mustahil jika beberapa pekerja dalam pertubuhan kecil mempunyai kontrak pekerjaan yang mematuhi peraturan pasaran buruh dan menyumbang kepada skim insurans sosial (Henley *et al.*, 2006).

Seterusnya, sektor informal telah dijadikan sebagai sebahagian daripada strategi untuk mewujudkan hubungan pekerjaan yang tidak formal seperti tidak mempunyai sistem perlindungan sosial yang mencukupi seperti faedah pengangguran dan gaji serta pencen sering berada di bawah paras sara hidup. Selari dengan pertumbuhan sektor informal, satu lagi bentuk '*informalization*' terhadap pekerjaan dapat diperhatikan, khususnya dalam peralihan ekonomi sektor swasta yang semakin bertambah, peningkatan dalam pelbagai bentuk pekerjaan informal yang tidak teratur, tidak menentu, tidak dilindungi, jam kerja yang fleksibel dan pekerjaan sambilan, serta mewujudkan hubungan pekerjaan yang baru (ILO, 2004).

Di samping itu, perniagaan di sektor informal ini banyak melakukan pemberhentian pekerja disebabkan oleh krisis COVID-19 yang melanda dunia khususnya di negara Malaysia (Ahmed Mushfiq *et al.*, 2021). Hal ini kerana, kewujudan pemberhentian pekerja adalah disebabkan oleh kenaikan kos sara hidup yang mempengaruhi kumpulan B40 yang terlibat dalam sektor informal dimana majikan perlu membayar gaji pekerja dengan menawarkan pekerjaan kepada pekerja. Oleh itu, peniaga di sektor informal sama ada majikan dan pekerja boleh memilih untuk masuk ke dalam hubungan pekerjaan sama ada berdaftar atau tidak didaftarkan adalah bergantung kepada kesan baik dan buruk. Maloney dalam Henley *et al.*, (2004) telah menolak pandangan tradisional yang mengatakan bahawa sektor informal adalah segmen pasaran buruh yang dihuni oleh pekerja yang diberhentikan dan menunggu untuk pekerjaan yang baik dalam sektor formal.

Konsep Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19

Perintah kawalan pergerakan (PKP) adalah merujuk kepada perintah pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempat Jangkitan) 2020 (Perintah PPPB) yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 18 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah kawalan pergerakan pertama kerajaan Malaysia adalah meliputi larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial, dan budaya, sekatan pelawat asing dan pelancong ke Malaysia, penutupan semua tadika dan sekolah, penutupan semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta, serta penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dalam perkhidmatan penting (Pejabat Perdana Menteri, 2020).

Oleh itu, di Malaysia terdapat tujuh fasa perintah kawalan pergerakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia yang bermula pada 18 Mac 2020 dan berakhir pada 31 Disember 2020. Pelaksanaan ini adalah sebagai langkah penting untuk mengawal dan memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 dalam kalangan masyarakat di seluruh negara. Perintah kawalan pergerakan juga adalah usaha kerajaan untuk memastikan rakyat sentiasa berada di rumah dan melakukan penjarakkan sosial bagi mengelak daripada jangkitan wabak COVID-19.

Konsep Golongan B40

Di Malaysia, golongan B40 adalah kumpulan penduduk yang berpendapatan rendah dengan merujuk kepada 40% penduduk Malaysia yang berada pada kedudukan paling bawah dari aspek pendapatan isi rumah (berpendapatan terendah). B40 juga merupakan kumpulan yang diberikan keutamaan dalam mencapai kemiskinan sifar daripada pelbagai dimensi menjelang tahun 2030 (United Nations, 2016; World Bank, 2017). Kumpulan isi rumah B40 turut merangkumi isi rumah miskin tegar yang berpendapatan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) iaitu RM950 (Wan Khairu et al., 2020). Golongan B40 juga merupakan golongan sasaran kepada sebahagian besar program bantuan kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH), Skim Kesihatan Peka B40, dan Skim Takaful *mySalam*. Oleh itu, memandangkan tempoh pelaksanaan PKP di Malaysia ini telah dilanjutkan maka penstrukturan semula bagi pengkelasan B40 telah dilaksanakan melalui pekeliling yang telah dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), telah menjelaskan mengenai pengkelasan pendapatan baharu bagi golongan B40 iaitu bermula daripada RM1,929 sehingga RM4,850. Manakala, bagi pendapatan golongan M40 adalah bermula daripada RM5,336 sehingga RM10,970, dan bagi golongan T20 adalah sebanyak RM12,586 dan ke atas. Sehubungan dengan itu, jadual di bawah menunjukkan pengkelasan baharu bagi isi rumah B40 di Malaysia.

Jadual 2 : Pengkelasan Baharu Isi Rumah B40

Kategori B40	Median	Purata	Had Pendapatan
B1	RM1,929	RM1,849	Kurang RM2,500
B2	RM2,786	RM2,803	RM2,501-RM3,170
B3	RM3,556	RM3,561	RM3,171-RM3,970
B4	RM4,387	RM4,395	RM3,971-RM4,850

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Impak PKP COVID-19 Ke atas Peniaga Kecil B40 di Sektor Informal: Ulasan Literatur

COVID-19 yang melanda dunia telah memberi kesan buruk ke atas ekonomi sehingga menyebabkan berlakunya penutupan dan sekatan perjalanan. Hal ini demikian, berikutan daripada sekatan dan penutupan tersebut telah memberi kejutan kepada ekonomi dan pasaran buruh di seluruh dunia dengan mempengaruhi faktor pengeluaran dan juga permintaan (Johnsen et al., 2020). Menurut Dube dan Kathende (2020), menyatakan bahawa semasa penutupan dan penyekatan sosial berlangsung, tidak semua golongan masyarakat mampu berdiam diri di rumah tanpa membuat sebarang aktiviti ekonomi untuk menjana pendapatan keluarga mereka. Hal ini kerana, kebanyakan masyarakat khususnya peniaga yang bergantung hidup kepada ekonomi tidak formal misalnya perniagaan kecil-kecilan seperti di pasar tamu tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan mereka dalam tempoh PKP. Oleh itu, ianya akan memberi kesan ke atas pengeluaran dan juga permintaan perniagaan kerana kurang mendapat sambutan daripada pembeli.

Seterusnya, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menjangkakan krisis COVID-19 akan meningkatkan kadar pengangguran terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Hal ini kerana, sektor informal di negara-negara sedang membangun merupakan yang paling berisiko menghadapi masalah risiko COVID-19 yang telah menjejaskan sumber pendapatan dan pekerjaan harian mereka. Menurut ILO, dalam 3.3 bilion tenaga kerja di peringkat global, empat daripada lima orang pekerja terjejas akibat penutupan premis sama ada separa atau sepenuhnya. Namun demikian, hasil dapatan daripada survei khas “Kesan COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu” yang telah dijalankan pada 23-31 Mac 2020 mendapati bahawa daripada 168,182 responden yang terlibat, terdapat sebanyak 52.6% melaporkan sangat terkesan dengan pandemik COVID-19.

Namun, Kebanyakan kajian juga menunjukkan mereka yang terlibat dalam sektor informal mempunyai hasil pendapatan yang rendah kerana kebanyakan masyarakat khususnya mereka yang tergolong dalam kumpulan B40 adalah bergantung hidup kepada aktiviti ekonomi tidak formal. Malah, kajian Akorsu (2013) mendedahkan bahawa gaji sebenar adalah jauh lebih rendah daripada gaji minimum. Oleh itu, ia mempengaruhi sumber pendapatan dan pekerjaan bagi golongan berpendapatan rendah khususnya yang terlibat di sektor informal kerana mereka adalah kumpulan yang diharapkan menghadapi risiko ekonomi yang tinggi dalam menjalankan perniagaan sepanjang tempoh PKP.

Katooro (2020), pula berpendapat bahawa perintah kawalan pergerakan telah memberi ancaman dan impak yang serius ke atas penurunan pendapatan, kehilangan pekerjaan, dan insolvensi terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS). Hal ini kerana, situasi ini cenderung mengakibatkan berlakunya pengurangan tenaga kerja di semua sektor ekonomi khususnya mereka yang bekerja di sektor informal sehingga menyebabkan mereka hilang pekerjaan (Karabarg, 2020). Namun begitu, cara untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan melibatkan diri dalam pekerjaan sektor informal. Hal ini kerana, sektor informal telah dijadikan sebagai sebahagian daripada strategi untuk mewujudkan hubungan pekerjaan yang tidak formal seperti tidak mempunyai sistem perlindungan sosial yang mencukupi seperti faedah pengangguran dan gaji serta pencen sering berada di bawah paras sara hidup yang rendah.

Manakala, menurut Chiew (2018), menyatakan bahawa golongan yang berpendapatan rendah juga lebih mudah terjejas terhadap sebarang risiko kerana kemampuan kewangan mereka serta tahap simpanan yang rendah. Namun begitu, golongan berpendapatan rendah juga amat sukar

untuk kembali kepada kedudukan kewangan yang asal sekiranya sesuatu krisis yang berlaku memberi kesan kepada kehidupan harian, terutamanya yang melibatkan wang simpanan yang besar (Cohen, 2006; Sebtad, 2006). Dengan itu, terdapat banyak laporan di media mengenai kesan PKP terhadap perniagaan berskala kecil yang mula hilang punca pendapatan harian akibat gangguan rantai bekalan ekoran daripada penutupan sektor sokongan, selain kekurangan pekerja dan kekurangan wang simpanan tunai (Kawi, 2020; Saari, 2020). Tambahan pula, tinjauan dari media juga mendapati rungutan peniaga terutama yang bekerja di sektor informal telah mengalami kerugian hampir 100% terhadap kemerosotan jualan sepanjang tempoh COVID-19.

Seterusnya, COVID-19 ini turut mendorong tercetusnya implikasi buruk terhadap semua aspek kehidupan komuniti, baik secara langsung atau tidak langsung apabila di kenakan sekatan sosial sehingga menyebabkan tergendalanya aktiviti ekonomi bagi peniaga di sektor informal sekaligus mempengaruhi pendapatan isi rumah dan perniagaan di luar bandar (Philipson et al., 2020). Namun begitu, untuk menghadkan kemampuan isi rumah berpendapatan rendah yang bekerja di sektor informal ini mereka perlu mencari nafkah untuk meneruskan kehidupan harian dengan mencari alternatif untuk meningkatkan perniagaan dan pendapatan yang terjejas sepanjang tempoh PKP (Ahmed Mushfiq et al., 2021). Antaranya ialah, menjalankan perniagaan secara atas talian kerana penglibatan peniaga kecil menerusi aktiviti pemasaran digital dapat memperkasakan normah baharu seiring dengan penularan wabak COVID-19.

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan menunjukkan bahawa kumpulan B40 yang bekerja di sektor informal ini menghadapi pelbagai masalah untuk meneruskan perniagaan yang terjejas disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan (PKP). Malah, mereka juga berada di bawah tekanan kewangan yang besar sehingga menyebabkan hilang sumber pendapatan. Justeru, peniaga di sektor informal khususnya majikan dan pekerja perlu menjalinkan hubungan pekerjaan antara satu sama lain dalam meningkatkan hasil perniagaan yang terjejas semasa PKP COVID-19 dengan melakukan perniagaan secara atas talian. Menurut Sharples (2020), menyatakan bahawa peniaga di sektor informal perlu memanfaatkan penggunaan aplikasi digital untuk meneroka lebih banyak peluang perniagaan menggunakan teknologi iaitu perniagaan atas talian. Hal ini kerana, ia merupakan salah satu strategi yang perlu dilakukan oleh pekerja di sektor informal dalam meningkatkan sumber pendapatan dan perniagaan pada masa akan datang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PKP COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada golongan peniaga B40 yang terlibat di sektor informal. Hal ini kerana, pelaksanaan PKP menyebabkan ramai rakyat terkesan dari aspek ekonomi, politik, sosial, Pendidikan, dan kesihatan. Bagi golongan peniaga di sektor informal mereka sangat terkesan dari aspek pekerjaan dan sumber pendapatan harian kerana sepanjang tempoh pelaksanaan PKP mereka sukar untuk menjalankan operasi perniagaan dimana perlu nya kepada pematuhan *Standard Operation Procedure* (SOP). Dalam hal ini kerajaan haruslah mengambil peranan dan inisiatif dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah khususnya bagi mereka yang terlibat dalam sektor pekerjaan di sektor informal. Hal ini kerana, golongan B40 adalah kumpulan yang berpendapatan terendah yang harus diberi perhatian oleh kerajaan kerana mereka paling banyak terkesan akibat wabak COVID-19 dan ramai yang terlibat dengan pekerjaan di sektor informal.

Sehingga kini juga, seluruh dunia masih berhadapan dengan krisis wabak COVID-19 sehingga mampu menjejaskan ekonomi setiap negara. Justeru, semua masyarakat khususnya mereka yang tergolong dalam kumpulan B40 dan terlibat di sektor informal perlu memainkan peranan yang proaktif bagi membantu kerajaan dalam menguruskan ekonomi semasa krisis ini berlangsung. Antara, peranan yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat khususnya peniaga adalah mengoptimumkan kelebihan teknologi digital dalam mempelbagaikan sumber pendapatan harian. Sementara pula, dalam keadaan pandemik ini adalah masa yang paling sesuai untuk setiap peniaga merebut peluang menyerlah potensi diri masing-masing dalam merealisasikan perniagaan yang terkesan oleh PKP demi kelangsungan hidup pada masa hadapan.

Rujukan

- Abdul Aziz, A. R. (2020). *Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(11), 1–9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>
- Hamid, N. A. B. D., Yaacob, Z., Ibrahim, Z., & Rashid, N. (2021). *A Socio-Economic Perspective of B40 Household Budgets in Malaysia*. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(02), 19–24. <https://doi.org/10.47750/cibg.2021.27.02.003>
- Hasbullah, N. B., Ibrahim, D., & Goss, T. (2020). *Hubungan Pekerjaan Di Sektor Informal: Kajian Kes Di Lawas, Sarawak, Malaysia*. *E-Bangi*, 17(6), 236–251.
- Jafar, A., Geogre, F., Mapa, M. T., & Sakke, N. (2021). *Perceptions of Urban Poor With B40 Status on the Impact of the Implementation of Movement Control Order (Mco) By Employment Sector: a Case Study of Kota Kinabalu City, Sabah*. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(02), 3603–3618. <https://doi.org/10.47750/cibg.2021.27.02.369>

Kanyo, N., Hussin, R., Rahman, B. A., & Estim, A. (2020). *Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan Kesan Penularan Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau : Implications of the Movement Control Order Against Transmission Effect of Covid-19 Pandemic To the Well-*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 5(32 (October 2020)), 108–120.

Masayu Rosliah Abdul Rashid, S., Hassan, F., Geografi, B., & Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, P. (2020). *Amalan dan Penglibatan Peniaga Kecil melalui Perniagaan Digital Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. Small Business Practice and Involvement Through Digital Business During COVID-19 Pandemics in Malaysia*. Geografi, 8(2), 1–20. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.2.1.2020>

Newman, W. L. (2007). *Basics of social research: Qualitative and quantitative approaches*, 2nd ed. Pearson International Edition.

Rahman, B. A., Hussin, R., Mapjabil, J., & Abubakar, A. U. (2020). *Tinjauan Literatur Penyakit Berjangkit Dan Kesan Penularan Covid-19 Kepada Golongan B40 Literature Review of Infectious Diseases and Effects*. 37–49.

Thinagar, S., Roslan, S. N. M., Ismail, M. K., & Chamhuri, N. (2021). *COVID-19: B40 Household's Financial and Consumption During the Implementation of Movement Control Order (Mco)*. Planning Malaysia, 19(15), 21837. <https://doi.org/10.21837/pm.v19i15.925>

Sumber Internet

COVID-19 dikemaskini 10/9/2021. Kementerian Kesihatan Malaysia. Diakses 10 September 2021.

Infografik COVID-19 Malaysia (2020). Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Diakses pada 10 September 2021

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Kajian Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kepada Perbelanjaan Isi Rumah*. Jabatan Perangkaan Malaysia 2020.

Perintah Kawalan Pergerakan. (2020). Majlis Keselamatan Negara. <https://www.w.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>. Diakses pada 6 September 2021

World Health Organization. (2020). *Coronavirus*. <https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab>. Diakses pada 6 September 2021